

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3(12)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2014-2015)  
BILANGAN 6 TAHUN 2015**

**Tarikh** : 29 Jun 2015 (Isnin)  
**Masa** : 10.30 Pagi – 12.43 Tengahari  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengambil masa selama 15 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Jun 2015.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

3.1 Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya di dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.



Harapan beliau agar Majlis mempertingkatkan usaha dan memperbaiki perkhidmatan untuk merealisasikan kejayaan setiap program dan aktiviti yang telah dirancang. Projek-projek yang tidak menepati masa hendaklah dipantau seterusnya usaha-usaha menyiapkan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan dipertingkatkan. Sehubungan itu, beliau memohon agar Timbalan Datuk Bandar memantau dan memastikan projek-projek ini berjalan lancar seterusnya dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya.

Beliau turut mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa kepada semua muslimin dan muslimat yang telah memasuki hari ke ke 12. Bersempena dengan bulan Ramadan yang mulia ini beliau amat mengharapkan komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan dan perhubungan harmoni di antara warga kerja MBPJ di dalam merealisasikan usaha untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya Peneraju, Dinamik dan Lestari.

### **3.2 OPERASI PEMBERSIHAN KAWASAN**

Operasi pemeriksaan premis kedai di 11 pusat bandar bagi kesalahan melanggar syarat kebersihan dan penyediaan tong sampah telah bermula pada 15 Jun 2015. Setakat ini, sejumlah 396 unit kedai di Pusat Bandar Damansara Utama, SS21 telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, didapati 45% daripada kedai tidak mematuhi syarat-syarat lesen seperti penyediaan tong sampah 240 liter, tiada perangkap minyak, halangan lorong belakang dan lain-lain kesalahan.

Operasi pemeriksaan masih lagi berjalan di Pusat Bandar SS2, Sek. 52, Sek. 8, Sek. 14, Old Town, SS9A, PJU 5, SS6, PJS 8, Sunway Damansara dan PJU 8. Operasi ini dijadualkan selesai menjelang pertengahan bulan Ogos ini.

Seiring itu, Majlis berharap semua pemilik kedai memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai-pegawai dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan kerjasama Jabatan Pelesenan dan Jabatan Kesihatan Persekitaran untuk memastikan Petaling Jaya sentiasa bersih dan indah.

### **3.3 HAPUS AEDES CEGAH DENGGI**

Wabak denggi di Petaling Jaya mencatatkan kenaikan kes iaitu sebanyak 4,365 kes dilaporkan sejak 1 Januari hingga 20 Jun 2015 yang membabitkan 11 kematian. Berdasarkan laporan daripada Jabatan Kesihatan MBPJ, sebanyak 122 kawasan wabak telah dikenalpasti, 66 daripadanya merupakan kawasan wabak terkawal, manakala 39 kawasan wabak tidak terkawal dan 17 kawasan hot spot dikesan.



Peningkatan mendadak kes denggi ini berlaku pada minggu ke-19 (pada pertengahan bulan Mei), dimana faktor cuaca panas dan hujan memudahkan pembiakan nyamuk serta sikap sambil lewa sesetengah masyarakat terhadap kebersihan, menjadi antara punca kes demam denggi di daerah ini terus meningkat. Pelbagai tindakan telah dilakukan antaranya mengenakan notis dan kompaun terhadap premis yang mengabaikan kebersihan. Setakat ini, sebanyak 240 kompaun dan 108 notis telah dikeluarkan.

Majlis mengambil berat dengan peningkatan kes ini yang akan memberi kesan buruk serta ancaman kesihatan kepada penduduk Petaling Jaya. Oleh itu Majlis telah membuat pelbagai perancangan, antaranya memperhebatkan lagi kempen kesedaran dan mempergiat aktiviti gotong royong bersama penduduk terutamanya dikawasan hotspot wabak denggi.

Terkini, pada 13 Jun 2015, Majlis telah melancarkan Kempen PJ Bersih di semua kawasan Ahli Majlis. Kempen ini akan diadakan secara berterusan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat berhubung peningkatan demam denggi serta kesan negatif pembuangan sampah haram terhadap persekitaran awam. Melalui kempen ini juga masyarakat akan ditunjukkan tempat-tempat yang berpotensi bagi pembiakan aedes.

Bagi meningkatkan lagi kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam membendung kes demam denggi, Majlis turut menubuhkan pasukan mencari dan memusnah aedes (COMBI SEDAR). Pasukan yang dibentuk dari sukarelawan setempat seperti Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan persatuan penduduk ini akan menjalankan aktiviti seminggu sekali bagi mencari dan memusnah jentik - jentik aedes. Dalam pada itu Unit Task Force Majlis juga bekerja keras memantau dan memastikan pembiakan denggi ini terkawal di Petaling Jaya.

Selain itu majlis juga telah melancarkan kempen MR RAT iaitu kempen kawalan tikus bagi mengurangkan populasi tikus dan seterusnya mengelakkan kejadian penyakit Leptospirosis atau penyakit bawaan kencing tikus. Semua premis komersial terutamanya premis makanan disaran untuk mengadakan langkah kawalan tikus serta meningkatkan tahap kebersihan premis mereka dan melupuskan sisa makanan dengan terkawal.

Mulai 17 Jun hingga 17 Julai 2015 Jabatan Kesihatan Persekitaran akan memantau semua tapak Bazar Ramadan untuk memastikan semua aspek persediaan dan penyimpanan makanan di bazar ramadan dipatuhi oleh peniaga bagi mencegah kejadian keracunan makanan. Majlis menggesa semua peniaga mematuhi semua



peraturan dan member tumpuan serius kepada aspek kebersihan penyediaan makanan.

### 3.4 PERCAMBAHAN IDEA PENAMBAHBAIKAN KAWASAN LAPANG

Dalam usaha untuk merealisasikan Petaling Jaya sebagai “Bandar Raya Dalam Taman”, MBPJ telah mengadakan bengkel kawasan lapang pada 15 dan 16 Jun yang lalu untuk mendapatkan satu kaedah penyediaan ruangan dan pemeliharaan pokok di kawasan lapang. Beberapa penambahbaikan yang telah dikenalpasti iaitu:-

#### 3.4.1 Ruang Kawasan Lapang

- i. Permohonan Kebenaran Merancang perlu serentak dengan Permohonan Kelulusan Pelan Induk Landskap bagi memastikan keperluan landskap dipatuhi.
- ii. Keperluan 10% tanah lapang di atas tanah perlu di patuhi bagi semua pemajuan termasuk pemajuan yang berkeluasan kurang dari 2 hektar.
- iii. Menyediakan 10% tanah lapang di atas tanah dari jumlah keluasan tapak pemajuan yang bebas utility dengan nisbah 7: 3 iaitu :-
  - 7% keluasan tanah lapang disediakan di hadapan kawasan pemajuan.
  - 3% di kira di kawasan “perimeter planting” yang bebas utiliti dengan minima keluasan 2 meter + 1 meter ruang utiliti. (jumlah 3 meter)
- iv. Bagi *free standing commercial*, Penyediaan 3.1 meter perimeter planting di hadapan plot tidak termasuk akan bangunan sepertimana yang digariskan dalam PD3 (kompleks perniagaan) Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor.
- v. Bagi lot *free standing commercial* atau *residential* kurang dari 1 ekar serahan 20 kaki kawasan hadapan sebagai *line ar park* dan penyediaan perimeter planting disediakan di sebelah bahagian lot sahaja (seragam) dengan kelebaran 2 meter + 1 meter utility



### 3.4.2 Kawasan Lapang

- i. Menguatkuasakan penyediaan komponen perabut landskap yang berkonsepkan “Bebas Halangan”.
- ii. Menguatkuasakan penyediaan laluan pejalan kaki sekurang-kurangnya minimum saiz selebar 2 meter.
- iii. Menguatkuasakan penyediaan komponen peralatan permainan kanak-kanak mengikut kawasan.
- iv. Menggalakkan penggunaan material baharu mengikut teknologi hijau yang lebih mesra alam dan efektif.

### 3.4.3 Kaedah Penguatkuasaan Perintah Larangan Penebangan Pokok (Tree Preservation Order – TPO)

- i. Mewujudkan Unit Khas Penguatkuasaan di Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar.
- ii. Mewujudkan jawatan penghantar notis.
- iii. Memberikan Kad kuasa kepada kakitangan bagi tujuan Penguatkuasaan
- iv. Menerima penurunan kuasa dari Datuk Bandar sebagai wakil Majlis.
- v. Membuat penambahbaikan Standard of procedures (SOP) – format notis dan tindakan pendakwaan merujuk Jabatan Undang – Undang.
- vi. Mewartakan Carta alir dan prosedur bagi tujuan dokumentasi dan hebahan.
- v. Mengguna pakai Kaedah Pendakwaan melalui Akta 171 Seksyen 101 (cc) atau Akta 172 Seksyen 35A.

Berdasarkan kepada idea-idea penambahbaikan ini, Majlis berharap penyediaan dan pengurusan kawasan lapang Majlis dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat Petaling Jaya.

### 3.5 PELAKSANAAN LOCAL AGENDA 21 PETALING JAYA

Di peringkat Dunia, Local Agenda 21 (LA21) telah dimulakan pada tahun 1992 iaitu ketika Persidangan Kemuncak Dunia (Earth Summit) di Rio De Janeiro, Brazil yang dihadiri oleh 178 Ketua Negara (termasuk Malaysia) bagi menyediakan satu pelan tindakan dunia bagi pembangunan mampan. Pelan ini dikenali sebagai Agenda 21- iaitu satu Agenda untuk mencapai pembangunan mampan di abad 21.

Pada tahun 1999, Malaysia mula mengadaptasikan LA 21 dan Petaling Jaya telah dipilih oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai salah satu daripada empat (4) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perintis untuk melaksanakan LA 21. Jawatankuasa LA 21 PJ telah ditubuhkan pada bulan Julai 2000 dan dipengerusikan oleh Yang Dipertua MPPJ. Jawatankuasa meliputi 37 orang ahli yang terdiri daripada wakil NGO, CBO, institusi keagamaan, sektor swasta, agensi kerajaan dan MPPJ. Pada Tahun 2002, di peringkat Dunia telah diadakan *World Summit on Sustainable Development* atau lebih dikenali sebagai RIO+10, susulan daripada persidangan pada tahun 1992.

Mengambil kira '*spirit*' persidangan tersebut, pada tahun 2008 Petaling Jaya telah menganjurkan Bengkel 'Livable Cities' yang menghimpunkan kembali semua golongan berkepentingan (stakeholders) di Petaling Jaya bagi menghasilkan sebuah dokumentasi bertajuk "Citizen's Documentation" yang mengandungi 8 Pelan Tindakan ke arah mencapai pembangunan mampan.

Seterusnya Persidangan Kemuncak Dunia (Earth Summit) pada tahun 2012, UN Conference on Sustainable Development (RIO + 20) telah diadakan di Rio de Janeiro Brazil dan satu dokumentasi telah dihasilkan iaitu "The Future We Want" yang menekankan aspek pembasmian kemiskinan, pendidikan dan lain-lain.

Susulan daripada itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tahun 2013 telah menyediakan satu rangka Pelan Pembangunan Mampan bagi satu jangka masa yang lebih panjang iaitu "Sustainable Petaling Jaya 2030" dengan menekankan 5 Hala Tuju Utama iaitu Alam Sekitar Kita, Ekonomi Kita, Budaya & Komuniti Kita, Habitat Kita dan Urus Tadbir Baik Kita.

Perjalanan Local Agenda 21 selama hampir 15 tahun telah menghasilkan pencapaian yang boleh dibanggakan oleh Majlis apabila aspek alam sekitar, ekonomi, sosial dan keselamatan di Petaling Jaya lebih mampan dan "vibrant" melalui tindakan ke arah kemampanan secara bersama melalui konsep perkongsian pintar. Sehingga kini Majlis telah menjalinkan kerjasama dengan lebih 450 rakan



perkongsian pintar. Prinsip LA21 yang digunapakai sejak tahun 2000 turut menampakkan penyertaan yang bercukupan dan efektif apabila lebih 5,000 program dan aktiviti telah dilaksanakan ke arah pembangunan mampan.

Sehingga kini, pencapaian Local Agenda 21 Petaling Jaya telah menunjukkan satu perkembangan yang positif dan lebih ke hadapan berbanding PBT-PBT lain di Malaysia.

Pada tahun ini juga Majlis turut melaksanakan Kajian Penilaian Impak Local Agenda 21 dan proses kajian ini bermula dengan mendapatkan maklumbalas daripada komuniti berkaitan impak pelaksanaan LA21 sejak tahun 2000. Bengkel Maklumbalas Awal Komuniti ini telah diadakan pada 16 Mei yang lalu, dengan kehadiran lebih 100 orang wakil Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga di seluruh Petaling Jaya.

Hasil penemuan bengkel ini mendapati hampir keseluruhan komuniti di Petaling Jaya bersetuju bahawa pelaksanaan LA21 telah banyak memberi impak yang positif terhadap aspek integrasi sosial, perlindungan alam sekitar, sistem urus tadbir dan keselamatan serta mewujudkan persekitaran mayarakat yang lebih selesa dan memberi manfaat kepada komuniti sejak 10 tahun yang lalu. Resolusi bengkel ini turut menyeru penglibatan yang lebih aktif dari kalangan Ahli-ahli Majlis serta mencadangkan lebih banyak inisiatif dan program-program berbentuk *Best Management Practices* seiring dengan *Best Available Technologies*.

### 3.6 PEMBANGUNAN MODAL INSAN MBPJ

Menyedari kepentingan modal insan sebagai aset terpenting dalam sesebuah organisasi, MBPJ yang berteraskan perkhidmatan kepada masyarakat, akan terus memperkemaskan struktur sumber manusia untuk melahirkan tenaga sumber manusia yang berkualiti, berpengetahuan serta berkemahiran tinggi.

Bagi mencapai matlamat itu, penambahan skop tugas Pembangunan Modal Insan di Unit Latihan diyakini penting dan dapat merealisasikan hasrat tersebut melalui agenda strategi pembangunan modal insan yang berterusan dan terancang.

Di samping pelbagai program yang diwujudkan dalam usaha pembangunan modal insan, seperti rakan pembimbing perkhidmatan awam (Akrab), pementoran, kaunseling dan kerohanian, Majlis turut memberi keutamaan kepada aspek kebajikan warga kerjanya, seperti kemudahan rawatan dan perubatan, rumah kakitangan dan lain-lain.



Beliau sangat berharap ransangan Budaya Kerja Cemerlang membina semangat semua pegawai dan kakitangan Majlis, agar dapat melonjakkan prestasi perkhidmatan kepada 'stakeholders' Majlis. Budaya kerja yang cemerlang dan harmoni adalah berlandaskan kepada nilai-nilai murni, positif serta etika kerja yang mulia. Seiringan itu, adalah sangat penting kita bersama-sama membudayakan, mengamalkan dan menghayati Nilai-nilai Bersama iaitu Setia, Integriti, Professionalisme, Utamakan Pelanggan dan Kerja Berpasukan.

Justeru itu, semua pihak perlu terlibat dalam mewujudkan suasana yang kompetitif untuk mendorong modal insan Majlis ke arah mempertingkatkan kualiti dan produktiviti.

Di kesempatan ini juga beliau mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh muslimin dan muslimat menjelang Syawal yang dijangka pada 17 Julai 2015. Pesanan beliau agar berhati-hati di jalan raya ketika memandu pulang ke kampung halaman masing-masing dan selamat kembali bertugas. Majlis juga akan mengadakan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri pada 31 Julai 2015, jam 3.00 petang – 6.00 petang, di tempat letak kereta berhadapan Dewan Sivik MBPJ, semua warga Petaling Jaya dijemput hadir.

#### **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

##### **4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 5 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 5 Tahun 2015 bertarikh 27 Mei 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.





5.0 **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 5 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 MEI 2015**

<b>RUJUKAN MINIT</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN YANG DIAMBIL</b>
<p>5.0 (7.5.2)</p>	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAIYUDDIN</b></p> <p>- Merujuk maklumbalas Bil. 4 Tahun 2015. Mesyuarat pada 23 April 2015 memutuskan supaya pihak Jabatan menyelesaikan isu dengan menyediakan tender bagi Cadangan Sistem Perparitan Dan Kolam OSD di tepi SK Dato' Harun. Dokumen tender dijangka akan dijual pada penghujung Bulan Mei 2015.</p>	<p>Jabatan Kejuruteraan terpaksa menunda penjualan sehingga akhir Jun 2015 memandangkan saiz keluasan OSD perlu diubah kerana lokasi baru di dalam tanah kerajaan negeri sempit. Selain itu, aras air di hadapan sekolah (inlet) di dapati lebih tinggi daripada tepi sekolah (outlet) dan rekabentuk terpaksa diubah dalam kebanyakan sistem perparitan sedia ada mengalami masalah 'backflow'. Disebabkan masalah-masalah ini, kesemua rekabentuk kolam OSD dan saiz longkang sedia ada terpaksa diubah semula. Untuk makluman, apabila kolam OSD siap dilaksanakan, ianya akan menjadi 'wet pond' kekal disebabkan masalah aras air di kawasan berkenaan yang sentiasa bertakung.</p>
	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. TUAN HEE LOY SIAN</b></p> <p>- Merujuk maklumbalas Bil. 4 Tahun 2015. Mesyuarat pada 23 April 2015 Persimpangan lampu isyarat Jalan Othman telah mula dibuka pada 17 Mei 2015. Buat masa ini, persimpangan tersebut sedang dalam proses percubaan untuk menetapkan tempoh masa yang sesuai bagi lampu isyarat tersebut.</p>	<p>Mesyuarat bersama YB. ADUN Bukit Gasing dan Ahli Majlis Encik Tang Fuie Koh telah diadakan pada 19 Jun 2015 berkaitan isu-isu penyelarasan tempoh masa lampu isyarat. Memandangkan masalah kesesakan masih berlaku, pihak kontraktor dan pihak perunding diminta menyelaras dengan beberapa cadangan tempoh masa mengikut masa puncak dan diluar masa puncak.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<p>Encik Tang Fuie Koh berharap agar kontraktor diberi 'date line' untuk menyiapkan projek tersebut bagi mengatasi masalah kesesakan Lalulintas di kawasan ini.</p>	<p>Pihak kontraktor juga memaklumkan pada masa sekarang, pihaknya dalam proses akhir menyiapkan kerja-kerja lampu jalan dan lampu isyarat. Kerja penurapan jalan lapisan akhir telah pun siap dilaksanakan pada 23 Jun 2015. Dan akhir sekali kerja-kerja pemasangan 'sensor' lampu isyarat akan dipasang selepas kerja penurapan jalan dan garisan jalan disiapkan sepenuhnya. Jangkaan kerja pemasangan 'sensor' akan dibuat pada 29 Jun 2015.</p>

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 27 MEI 2015 DAN 19 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (113)  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (117)**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 29 MEI 2015, 10 JUN 2015 DAN 22 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (81)  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (2)  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (4)**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**



**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT BANTAHAN NILAIAN HARTA BERTARIKH 10 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/8 (37)]**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 15 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (53)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (31)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

6.5.2 Tuan Pengerusi membangkitkan berkaitan aduan longkang daripada Ahli Majlis. Sehubungan dengan itu, beliau meminta agar Pengarah Jabatan Kejuruteraan menyenaraikan aduan-aduan terutama yang melibatkan longkang. Pegawai yang dilantik hendaklah menyemak kesahihan aduan tersebut dan tindakan pembetulan hendaklah dibuat dengan segera.

Beliau berpendapat, kelemahan menyelesaikan aduan bukan dari segi masalah kewangan atau pelantikan kontraktor akan tetapi dari segi pelaksanaan oleh jabatan terlibat.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar jabatan berkaitan mengadakan kempen bagi menyelesaikan aduan-aduan yang melibatkan longkang. Selain daripada itu penubuhan Jawatankuasa Task Force longkang amat penting bagi mengenalpasti seterusnya mengambil tindakan ke atas longkang-longkang bermasalah di Petaling Jaya.

Perkara ini turut disokong oleh Ahli-Ahli Majlis yang mencadangkan agar:-

- i) Kempen menyelesaikan aduan terutama longkang disegerakan.
- ii) Adakan program menyelesaikan aduan longkang.
- iii) Menubuhkan `Task Force` longkang. Tuan Ir. Lee Suet Sen mencadangkan agar `Task Force` longkang ini diketuai oleh Encik Oon Chong Ling.
- iv) Memantau kerja-kerja pembersihan longkang dan memastikan tiada batu-bata hasil pembinaan yang ditinggalkan di tepi longkang.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 16 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 (130)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit Audit, MBPJ.**

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (101)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas kecuali bagi perkara 6.3 di muka surat 10 tidak diluluskan.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

6.7.2 Tuan Pengerusi telah mengambil pendekatan untuk membuat undian terhadap isu Cadangan Mewujudkan Unit Polis Bantuan Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya memandangkan terdapat bantahan terhadap keputusan ini. Keputusan undian memihak kepada tidak bersetuju iaitu seramai 12 orang daripada 22 orang Ahli Majlis. Sehubungan dengan itu, keputusan melulus dan menerima cadangan di atas adalah dibatalkan.

**Tindakan : Pengarah, Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.**



6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 18 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (71)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

6.8.2 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud merujuk kepada perkara 3.0 para 4.3 di muka surat 4 di mana beliau memohon agar Unit Perhubungan Awam dan Korporat mewar-warkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan perumahan kos rendah oleh Majlis walaupun ia merupakan tanggungjawab JMB. Publisiti ini akan merubah pandangan masyarakat terhadap MBPJ yang dianggap tidak membantu penduduk dalam menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud dan menekankan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam hanya bangunan strata dan perumahan kos rendah yang bermasalah sahaja.

Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal memaklumkan bahawa Petaling Jaya mempunyai 64 skim perumahan kos rendah. Perkhidmatan pengutipan sampah pukal/kebun diberikan kepada semua skim perumahan kos rendah mengikut frekuensi yang ditetapkan. Bagi cadangan menyediakan perkhidmatan kepada semua skim perumahan kos rendah, majlis memerlukan tambahan kos sebanyak RM25,823.60 sebulan bagi meliputi 24 skim atau 37% daripada semua perumahan. Selain daripada itu, perkhidmatan pembersihan kawasan diberikan secara CSR yang disyorkan oleh Unit COB berdasarkan kapasiti pengurusan dan kewangan badan pengurusan serta tahap kebersihan akan ditinjau terlebih dahulu.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.**

6.8.3 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud berharap agar Unit Perhubungan Awam membuat publisiti berkaitan taman-taman awam di Petaling Jaya. Perbincangan bersama Pengarah Jabatan Landskap amat penting bagi tujuan publisiti tersebut.

Encik Tang Fui Koh turut mencadangkan agar Pengarah Jabatan Landskap lebih kreatif di dalam pembinaan taman mengikut tema agar pengunjung dapat menjiwai elemen yang ingin dipersembahkan oleh majlis.

**Tindakan : Pengarah, Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 19 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (37)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 22 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (39)]**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas kecuali bagi perkara 6.1.2 di muka surat 14 ditangguhkan. Mesyuarat memutuskan agar jabatan menyediakan kertas kerja lengkap dengan objektif, justifikasi serta pelan tindakan untuk dibentangkan semula di dalam mesyuarat kewangan bulan hadapan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.**

**6.11 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 23 JUN 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (125)]**

6.11.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

6.11.2 Mesyuarat mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Ainul Adnan bin Abdul Rahaman yang akan menamatkan tempoh peminjaman di MBPJ.



6.11.3 Encik Jeyaseelan a/l A. Anthony membangkitkan isu kakitangan kontrak di mana menurut beliau adalah tidak baik sekiranya sesuatu sektor itu mempunyai kakitangan kontrak. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar kakitangan kontrak di MBPJ diserapkan ke jawatan tetap.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa Majlis sentiasa berusaha untuk menambah perjawatan dengan mengemukakan permohonan jawatan baru ke Jabatan Perkhidmatan Awam. Menurut beliau lagi, isu kakitangan kontrak bukanlah berlaku di MBPJ sahaja akan tetapi di seluruh PBT termasuk Kerajaan Negeri Selangor. Buat masa sekarang keutamaan untuk pengisian jawatan tetap di MBPJ adalah terbuka kepada kakitangan bertaraf kontrak bergantung kepada prestasi kerja setiap kakitangan.

## 7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

### 7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN

7.1.1 Beliau membangkitkan tiga (3) isu iaitu:-

a) Isu Bekalan Air

Beliau mencadangkan agar MBPJ menyemak dengan SYABAS berkaitan bekalan air sama ada mencukupi atau tidak untuk menampung pembangunan yang telah diluluskan semenjak tiga (3) tahun yang lepas.

Beliau turut mencadangkan agar agar Majlis mewujudkan jawatankuasa teknikal bagi mengkaji isu ini. Jawatankuasa teknikal ini bertujuan untuk memberi maklumbalas terkini berkaitan isu bekalan air ke atas projek yang dibentangkan sebelum diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan  
Pembangunan, MBPJ,  
Ketua Unit OSC, MBPJ.**



b) Task Force Cerun-Cerun Bukit

Bagi mengatasi masalah yang berlaku dicerun-cerun bukit, beliau mencadangkan agar diwujudkan 'Task Force' bagi mengkaji dan mempelajari isu-isu yang berlaku di cerun-cerun bukit. Pasukan ini akan mengenalpasti permasalahan yang timbul sebelum penduduk atau pihak media menghidu masalah ini. Kajian-kajian yang dibuat hendaklah meliputi:-

- i) Kesan sebelum projek berjalan
- ii) Kesan semasa projek berjalan
- iii) Kesan selepas projek berjalan


**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

c) Hapus Aedes Cegah Denggi

Beliau tertarik dengan perutusan Tuan Pengerusi berkaitan penulatan wabak denggi dan kempen-kempen pencegahan oleh Majlis. Sehubungan itu beliau berharap agar Majlis memaklumkan program-program banteras denggi dan pencapaiannya kepada Ahli Majlis untuk disalurkan kepada penduduk.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ. MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.43 tengahari. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.

  
(JOHARY BIN ANUAR) AMS  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 6 Julai 2015



## LAMPIRAN KEHADIRAN

### HADIR:

01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen, Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony, Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Tony Cheong Siew Thong, Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Azri bin Mohamad Arish, Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Oon Chong Ling, Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Ang Ming Ern, Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin, Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Azizi bin Ariffin, Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Sia Siew Chin, Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Tang Fuie Koh, Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Mahharul bin Ismail, Ahli Majlis, MBPJ.



15. Puan Cynthia Gabriel,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Chong Fook Meng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Wong Yuet Leng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Encik Chan Kien Fatt,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR:**

01. Encik Shatiri bin Mansor, (*dengan maaf*)  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Encik Wan Samsudin bin Wan Ali,  
Wakil Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Permbersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Wakil Ketua Unit, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Ketua Unit (Perhubungan Awam dan Korporat),  
Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.
15. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Ketua Unit (Audit Dalam), Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Cik Nor Shabani binti Johari,  
Ketua Unit, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,  
Ketua Unit, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.



18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Ketua Unit, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd. Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Ho Fook Chuan,  
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
03. Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,  
ADUN Bukit Gasing.

**URUSETIA:**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

